

09/02/1997

Tuntutan: Cuepacs serah pada JPA

KUALA LUMPUR: Cuepacs meletakkan sepenuh kepercayaan terhadap Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menjalankan kajian berhubung tuntutan kenaikan imbuhan tetap perumahan (ITP) kakitangan awam.

Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, berkata kesatuan itu percaya JPA akan menyegerakan kajian berkenaan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengalu-alukan kenyataan Dr Mahathir berhubung tuntutan berkenaan, beliau berkata, kini terpulang kepada JPA untuk membuat penilaian yang adil berhubung perkara terbabit.

"Perkara ini kini masih dalam kajian JPA dan kita percaya, JPA akan menyiapkannya dengan secepat mungkin serta mengemukakannya kepada Dr Mahathir untuk pertimbangan beliau," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu dalam rancangan Agenda di TV3, pagi semalam.

Dr Mahathir kelmarin menyebut, keputusan mengenai tuntutan Cuepacs supaya kerajaan menaikkan IPT kakitangan awam masih bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, JPA sedang mengkaji tuntutan berkenaan yang membabitkan kenaikan kepada kadar minimum RM230 sebulan sebelum membuat sebarang keputusan.

Ketika ini, kakitangan dalam kumpulan pengurusan dan profesional menerima RM110, manakala kumpulan sokongan sebanyak RM90. Cuepacs menguatkan alasan tuntutan itu dengan mengatakan 89 peratus kakitangan kumpulan sokongan tinggal di bandar dan pinggir bandar.

Mohamad berkata, Cuepacs berharap JPA akan menjalankan kajian berkenaan dengan segera.

(END)